

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
Tajuk : UPACARA PELANCARAN RASMI LOGO PENAJAAN BADMINTON PROTON/EON  
Lokasi : SHAH ALAM, SELANGOR  
Tarikh : 07-06-1995

1. Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' Mohd. Nadzmi dan Yang Berbahagia Dato' Adzmi kerana sudi menjemput saya ke Upacara Pelancaran Rasmi Logo Penajaan Badminton Proton/Eon pada hari yang gemilang ini. Saya juga mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Tan Sri Muhyiddin Yassin, Menteri Belia dan Sukan yang baru dan buat kali pertama menghadiri satu upacara yang melibatkan badminton negara, khususnya Persatuan Badminton Malaysia, sejak beliau mengambil alih Kementerian Belia dan Sukan baru-baru ini.

2. Upacara pada hari ini merupakan satu majlis yang amat istimewa dan amat besar ertinya kepada sukan badminton dan Persatuan Badminton Malaysia kerana ia menandakan satu era baru dalam sukan tanahair. Penglibatan sektor korporat dalam pembangunan sukan secara total memberi satu dimensi baru kepada perkembangan sukan tanahair, dan dalam hal ini, kepada perkembangan dan pembangunan sukan badminton ke arah kecemerlangan.

3. Penglibatan serta peranan positif yang dimainkan oleh sektor korporat dalam sukan seperti melalui Program Rakan Sukan yang dilancarkan tidak berapa lama dulu dapat memberi nafas baru kepada badan-badan sukan untuk aktif dan menjalankan berbagai program ke arah kecemerlangan dan pembangunan sukan masing-masing.

4. Persatuan Badminton Malaysia amat bertuah dan terhutang budi kepada Proton dan EON kerana, sokongan dan bantuan yang diperolehi melalui Program Rakan Sukan ini, akan membolehkan BAM mengorak langkah yang sewajarnya dalam merealisasikan janji-janji serta sasarannya terhadap kecemerlangan yang diharapkan bukan sahaja oleh BAM tetapi juga oleh seluruh rakyat.

Percayalah, sumbangan serta sokongan oleh Proton dan EON ini tidak akan disia-siakan.

5. Dalam hal ini, Persatuan Badminton Malaysia sedar akan tanggungjawab yang harus dipikulnya iaitu bukan sahaja untuk merangkul sebanyak mungkin pingat emas di setiap kejohanan tetapi juga untuk menyediakan kemudahan yang lengkap dan mencukupi bagi memberi peluang bermain badminton kepada semua ahli masyarakat terutamanya kanak-kanak di berbagai-bagai peringkat. Sememangnya, inilah sasaran dan matlamat BAM selama ini.

6. Dengan Perjanjian yang dimeterai melalui Program Rakan Sukan ini, Persatuan Badminton Malaysia juga amat sedar akan tanggungjawabnya terhadap Proton/EON dan Majlis Sukan Negara (MSN), dan selaku Penaung Persatuan Badminton Malaysia, saya mengambil kesempatan di sini untuk menyatakan bahawa BAM akan berusaha sepenuhnya untuk melakukan segala yang mungkin agar imej korporat serta kepentingan Proton/EON dan MSN akan sentiasa dipelihara.

7. Dalam konteks ini, saya ingin mengingatkan juga kepada semua pemain nasional bahawa tanggungjawab mereka adalah lebih berat bagi melaksanakan cita-cita bersama ini. Prestasi mereka di peringkat kebangsaan dan antarabangsa perlu sentiasa dipertingkatkan dan mereka harus jadikan 'priority' untuk sentiasa mencapai kecemerlangan dalam setiap kejohanan selaras dengan kecemerlangan dan keunggulan yang dicapai oleh Proton/EON sendiri dalam industri otomobil. Ini adalah amat wajar kerana ke mana dan di mana sahaja para pemain berada, mereka sentiasa membawa nama MALAYSIA dan PROTON/EON, iaitu lambang kecemerlangan

8. Akhir kata, kepada para pemain, saya ingatkan sekali lagi bahawa setiap sasaran untuk mencapai kecemerlangan tidak akan berjaya sekiranya mereka tidak bekerja keras dan berusaha dengan gigih. Kepada pegawai-pegawai dan jurulatih-jurulatih di Persatuan Badminton Malaysia, saya ingin mengingatkan bahawa maju mundurnya badminton negara adalah menjadi tanggungjawab tuan-tuan untuk menentukannya.

Perancangan yang rapi kearah pertandingan dan pembangunan perlu sentiasa disusun dan dilaksanakan.

9. Saya yakin pihak penaja Proton/EON dan Kerajaan akan sentiasa memberi sokongan bagi menentukan tercapainya matlamat dan sasaran yang telah ditetapkan.

Dengan usaha gigih dan kerjasama yang erat antara semua pihak yang terlibat dan dengan bimbingan yang sentiasa diberikan oleh Majlis Sukan Negara, saya tidak nampak kenapa setiap matlamat dan sasaran yang dibuat oleh kita tidak akan tercapai.

10. Kepada pihak Proton dan EON, saya sekali lagi mengucapkan penghargaan yang tinggi di atas sumbangan tuan-tuan kepada sukan badminton, khususnya kepada Persatuan Badminton Malaysia melalui Program Rakan Sukan. Semoga dengan adanya semangat saling membantu maka segala impian dan sasaran untuk kecemerlangan yang kita hajati akan tercapai dengan jayanya.

11. Dengan lafaz "Bismillahirrahmanirrahim" saya lancarkan Logo "Proton/EON Sports Partnership" untuk Badminton dengan rasminya.